




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

26 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 269 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 366,192 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Pitas. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 1,473 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 345,430 orang. Manakala 414 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 348 orang di hospital, 65 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 30 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 22 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan baharu jatuh di bawah paras angka 300 hari ini dengan 269 kes, penurunan sebanyak 103 kes berbanding semalam.
- b. Kota Kinabalu mencatat penurunan jangkitan baharu yang terbesar dengan hanya 36 kes berbanding 96 kes semalam. Penampang juga mencatat jumlah kes baharu yang sama dengan Kota Kinabalu, iaitu 36 kes, 17 kes lebih rendah daripada sebelumnya. Putatan dan Papar mencatat penurunan marginal tetapi Tuaran naik tiga (3) kes kepada 26 kes.
- c. Sebanyak 15 daerah mencatatkan jumlah kes harian dibawah 10 kes, satu petanda Sabah sedang menuju ke fasa penstabilan. Sembilan (9) daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka dengan jumlah jangkitan tertinggi 36 kes di Kota Kinabalu dan Penampang. Semporna, Telupid dan Tongod tidak mencatat sebarang kes baharu. Walau bagaimanapun peratusan jangkitan sporadik masih tinggi pada kadar 57.62%. Ini bermakna risiko jangkitan dan perebakan kekal tinggi khususnya di tempat-tempat awam yang ramai orang.
- d. Seramai 266 orang atau 98.89% daripada 269 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Tiga (3) orang berada dalam Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 3 dan Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	72	26.77%
3	Bergejala	155	57.62%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	42	15.61%
JUMLAH		269	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/03/2022	Catatan Kes 26/03/2022	Perbandingan
1	Keningau	2	13	+11
2	Tuaran	23	26	+3
3	Ranau	7	8	+1
4	Kalabakan	0	1	+1
5	Beluran	3	3	Mendatar
6	Kunak	1	1	Medatar
7	Kudat	6	6	Mendatar
8	Tambunan	4	4	Mndatar
3	Nabawan	1	1	Mendatar
10	Semporna	0	0	Mendatar
11	Kota Kinabalu	96	36	-60
12	Penampang	53	36	-17
13	Tenom	12	4	-8
14	Kota Belud	12	5	-7
15	Lahad Datu	9	3	-6
16	Sandakan	22	17	-5
17	Kuala Penyu	11	9	-2
18	Tongod	2	0	-2
19	Tawau	10	8	-2
20	Putatan	21	19	-2
21	Sipitang	5	3	-2
22	Kinabatangan	7	6	-1
23	Beaufort	18	17	-1
24	Kota Marudu	16	15	-1
25	Pitas	6	5	-1
26	Papar	24	23	-1
27	Telupid	1	0	-1
JUMLAH		372	269	-103

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	10	18	0	8	36	1849
Penampang	0	13	22	0	1	36	729
Tuaran	0	8	16	0	2	26	608
Papar	0	9	12	0	2	23	572
Putatan	0	2	14	0	3	19	267
Sandakan	0	4	9	0	4	17	275
Beaufort	0	1	15	0	1	17	376
Kota Marudu	0	8	5	0	2	15	218
Keningau	0	2	8	0	3	13	264
Kuala Penyu	0	5	2	0	2	9	163
Tawau	0	0	4	0	4	8	228
Ranau	0	1	6	0	1	8	148
Kinabatangan	0	2	3	0	1	6	82
Kudat	0	1	4	0	1	6	111
Kota Belud	0	2	1	0	2	5	200
Pitas	0	1	3	0	1	5	91
Tenom	0	1	1	0	2	4	172
Tambunan	0	0	3	0	1	4	159
Lahad Datu	0	0	3	0	0	3	99
Sipitang	0	1	2	0	0	3	159
Beluran	0	1	2	0	0	3	75
Kunak	0	0	1	0	0	1	29
Nabawan	0	0	1	0	0	1	29
Kalabakan	0	0	0	0	1	1	30
Telupid	0	0	0	0	0	0	47
Tongod	0	0	0	0	0	0	31
Semporna	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	0	72	155	0	42	269	7017

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,148 unit.

- Hospital 1,385 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,523 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.15%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	261
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	269

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	259
Bukan Malaysia	10
Jumlah	269

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	26
Belum Menerima Vaksin (5-11)	16
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	3
Menerima 1 Dos	12
Lengkap 2 Dos	100
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	112
Jumlah	269

iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1-4	22
5 -11	26
12-17	9
18-29	57
30-39	60
40-49	32
50-59	30
60-69	20
70-79	7
80-89	2
>90	0
Jumlah	269

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,873 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,770 orang adalah penduduk dewasa, 77 orang adalah penduduk remaja dan 1,026 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 25 Mac 2022 adalah seramai 2,557,261 orang. Ini meliputi 2,132,184 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.49% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,365 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,786 orang atau 76.93% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,350 orang atau 77.98% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,579 atau 74.28% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 92,727 atau 22.54% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **684,712** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 154 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan empat (4) tangkapan dibuat iaitu dua (2) di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, satu (1) tangkapan disyaki melakukan Akta Dadah Berbahaya 1952 serta satu (1) tangkapan disyaki melakukan Akta Kastam 1967.

- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 908 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 208 premis perniagaan dan 283 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 131 di Premis Perniagaan melibatkan 50 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 38 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 153 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.8%
2	Semporna	98.7%
3	Kinabatangan	98.7%
4	Sipitang	98.6%
5	Tenom	98.6%
6	Kunak	98.6%
7	Kota Belud	98.6%
8	Kudat	98.5%
9	Ranau	98.5%
10	Keningau	98.5%
11	Kota Marudu	98.5%
12	Kota Kinabalu	98.4%
13	Beaufort	98.3%
14	Sandakan	98.3%
15	Tawau	98.3%
16	Lahad Datu	98.2%
17	Tuaran	98.2%
18	Penampang	98.1%
19	Papar	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II